

# Anwar berseloroh rombak Kabinet

**Putrajaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim secara berseloroh berkata, rombakan Kabinet Kerajaan Perpaduan mungkin dibuat sebelum hujung tahun ini.

Perkara itu dinyatakan Perdana Menteri ketika menyantuni seorang kanak-kanak berusia 12 tahun yang menantikan Anwar bersama pengamal media selepas menunaikan solat Jumaat di Surau Putra Al-Amin Fasa 4, di sini, semalam.

Anwar ketika berhenti di depan pengamal media tiba-tiba bertanyakan kepada kanak-kanak terbabit, Akmal Afif Yasser

Arafat, apa soalan mahu ditanyakannya.

Akmal Afif kemudian mengulangi soalan sama diutarakan pengamal media berkaitan rombakan Kabinet kepada Perdana Menteri.

Anwar secara berseloroh bertanyakan kepada Akmal Afif bilakah waktu sesuai untuk rombakan Kabinet yang dijawab kanak-kanak itu 'sebelum 2024' dan disusuli ayat dikeluarkan Perdana Menteri iaitu 'saya setuju'.

Sebaik perbualan itu tamat, Perdana Menteri terus pulang.

Terdahulu, Akmal Afif yang juga

murid Tahun Enam Sekolah Kebangsaan Presint 8 (2) bersama lapannya menantikan Anwar untuk mendapatkan tandatangan daripada Perdana Menteri.

Keterujaan kanak-kanak itu jelas kelihatan apabila Anwar berhenti seketika bertanyakan khabar mereka dan menandatangani wang kertas RM1 dan RM5 dibawa kanak-kanak berkenaan.

Perdana Menteri dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Nai'im Mokhtar sebelum itu menunaikan solat Jumaat bersama 2,000 jemaah di surau berkenaan.